



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM (MESTECC)

PASIR GUDANG AKAN MENJADI KAWASAN INDUSTRI PERTAMA DI MALAYSIA YANG DILENGKAPI DENGAN *REAL TIME EARLY WARNING ALERT-SYSTEM* UNTUK *TOTAL VOLATILE ORGANIC COMPOUNDS (TVOC)* MENJELANG SUKU KE-2 TAHUN 2020

19 November 2019, ISKANDAR PUTERI – Kerajaan mengambil perhatian yang serius berkenaan isu pembuangan sisa toksik di Sungai Kim Kim dan insiden gangguan kesihatan yang berlaku di Pasir Gudang. Beberapa inisiatif utama dan langkah kawalan telah diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan kawalan kualiti alam sekitar di kawasan perindustrian Pasir Gudang, Johor.

Pertama, suspek insiden Sungai Kim Kim telah dihadapkan ke Mahkamah Seksyen Johor Bahru pada 24 Mac 2019. Perbicaraan 4 orang yang disaman tersebut akan diteruskan pada 3 Disember 2019.

Kedua, tinjauan yang meluas telah dijalankan ke atas industri berasaskan bahan kimia di Pasir Gudang. Jabatan Alam Sekitar (JAS) Johor dengan kerjasama pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) telah melaksanakan Operasi Ketuk-Ketuk yang mana rondaan, tinjauan dan pemeriksaan ke atas industri dilaksanakan bagi memastikan operasi kesemua industri di Pasir Gudang dipantau tidak kira siang atau malam.

Sehingga 18 November 2019, sejumlah 394 pemeriksaan telah dijalankan semenjak insiden Sungai Kim Kim. Tambahan lagi,

pemantauan dengan menggunakan dron telah mula dilaksanakan pada 23 Oktober 2019. Perincian pemantauan di Lampiran A.

Ketiga, tindakan penguatkuasan terhadap industri telah dilipatgandakan. Semenjak insiden Sungai Kim Kim sehingga kini, sebanyak 314 kompaun dikeluarkan ke atas kesalahan-kesalahan yang dibuat dan sebanyak tujuh kertas siasatan telah dibuka.

Selain itu, lebih daripada 250 Notis Arahan telah dikeluarkan oleh JAS Johor di bawah Seksyen 37 bagi industri yang mempunyai pelepasan ke udara. Sebanyak 76 kertas siasatan telah dibuka dan dilengkapkan terhadap pihak industri yang gagal mematuhi Notis Arahan dan JAS sedang dalam perbincangan dengan pihak pendakwaraya (AGC) untuk tindakan selanjutnya.

Keempat, JAS turut menubuhkan cawangan Pasir Gudang khusus untuk bertindak terus dan memendekkan masa respon (*response time*) bagi sebarang aduan yang diterima. Unit Pasir Gudang telah mula ditempatkan bermula dari 29 Ogos 2019 di ruang pejabat yang disediakan oleh pihak Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG).

Kelima, Program Sekolah Angkat oleh pihak industri (PROSPAG) telah diperkenalkan. Program ini dilaksanakan dengan pembekalan alat pengukur gas iaitu *multigas detector* kepada sekolah-sekolah yang berada di kawasan Pasir Gudang oleh pihak industri. Majlis serahan pertama pada 26 September 2019 telah dibuat di Sekolah Kebangsaan Pasir Gudang 1 yang melibatkan 16 buah industri dan serahan peralatan sebanyak 25 unit kepada 25 sekolah. Sebanyak 21 industri lagi komited untuk membekalkan peralatan tersebut kepada sekolah-sekolah yang berdekatan dengan kawasan perindustrian.

Keenam, Kabinet telah meluluskan peruntukkan sebanyak RM17.7 juta untuk meningkat keupayaan pemantauan kualiti udara di kawasan perindustrian seluruh Malaysia, terutamanya di Pasir Gudang. Antaranya termaksudlah:

- i. Pemasangan 25 alat pengukur gas automatic TVOC (*total volatile organic compound*), iaitu *Photo-Ionised Detectors* (PID), di sekitar Pasir Gudang untuk membina rangkaian *real-time alert system* yang bernilai RM2.52 juta bagi memberi amaran awal (*early*

warning) supaya tindakan penguatkuasaan boleh diambil secepat mungkin (senarai stesen di Lampiran C). Proses pemasangan PID sedang dijalankan dan 23 daripada 25 PID telah siap dipasang di sekitar Pasir Gudang dan dijangka semua akan selesai pada hujung bulan ini (Lokasi PID di lampiran B. Selepas pemasangan PID, proses *baseline calibration* akan dijalankan selama lebih kurang 3 bulan dan adalah dijangkakan bahawa Pasir Gudang akan menjadi kawasan industri pertama di Malaysia yang dilengkapi dengan real time alert-system untuk TVOC menjelang suku ke-2 tahun 2020.

- ii. Selain itu, jentera-jentera JAS juga diperkasakan melalui kelengkapan lebih banyak peralatan pemantauan seperti Stesen Bergerak yang merangkumi i. *Gas Chromatography Mass Spectrometry* (GCMS) yang bernilai RM1.1 juta dan ii. *Gas Chromatography with Flame Ionization Detector* (GCFID) yang bernilai RM1.2 juta; dan 6 buah alat pengukuran mudahalih gas toksik yang bernilai RM2.34 juta serta kemudahan-kemudahan lain.

Ketujuh, JAS bersama dengan ahli akademik, jabatan dan agensi teknikal serta pihak industri juga telah menjalankan Kajian Analisa Beban dan Kapasiti Tampungan bagi kawasan Pasir Gudang dan laporan awal telah pun siap dan telahpun dibentangkan kepada Kerajaan Negeri Johor.

Kajian ini juga telah dibentangkan kepada semua kementerian dan agensi yang berkaitan di sebuah mesyuarat yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada 17 Oktober 2019. Matlamat kajian ini adalah bagi:

- i. Memberikan maklumat berkaitan senario beban pencemaran di Pasir Gudang melalui analisis permodelan (*mathematical modelling and simulation*);
- ii. Memberi cadangan jangka masa panjang kepada Kerajaan yang melibatkan pelbagai kementerian dan agensi yang berkaitan bagi memperbaiki situasi di kawasan perindustrian Pasir Gudang secara keseluruhannya; serta

- iii. Mencadangkan pelan pelaksanaan berkaitan zon penampan yang selamat di kawasan perindustrian Pasir Gudang.

Pelaksanaan cadangan kajian ini akan dipantau melalui mesyuarat pemantauan secara berkala (sekurang-kurangnya sekali setiap suku) yang akan dipengerusi oleh YAB Timbalan Perdana Menteri untuk peringkat perseketuan dan YAB Menteri Besar untuk peringkat negeri.

YB Puan Yeo Bee Yin turut mengucapkan terima kasih kepada pasukan kajian saintifik yang dianggotai oleh pelbagai agensi kerajaan dan swasta yang telah bertungkus lumus menyumbang kepakaran mereka dalam menjayakan kajian ini.

- **TAMAT** -

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Encik Mohd Famey Yusoff
Pengarah
Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor
Tel: 019-220 9151


Encik Sharudin Rosli
Pegawai Perhubungan Awam
Jabatan Alam Sekitar Putrajaya
Tel: 012-3023864

Dikeluarkan pada 19 November 2019, jam 4 petang.

PENGAWASAN AERIAL SURVEILLANCE MENGGUNAKAN DRON DI SEKITAR PASIR GUDANG OLEH JABATAN ALAM SEKITAR

1. Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menjalankan penguatkuasaan dengan kaedah pengawasan *aerial surveillance* iaitu pemantauan menggunakan dron.
2. Pemantauan dengan menggunakan dron ini akan sentiasa dijalankan bagi membantu kerja-kerja penguatkuasaan yang lebih cekap dan sistematik.
3. Pemantauan menggunakan dron dijangka akan membolehkan tugas penguatkuasaan dijalankan dengan lebih cepat, terutamanya di kawasan-kawasan yang sukar dimasuki oleh kenderaan.
4. Pemantauan menggunakan dron juga tertumpu pada sungai-sungai di sekitar Pasir Gudang serta pelepasan asap dari industri.
5. Sebagai makluman, penerbangan dron telah dibuat pada 23 dan 24 Oktober 2019 melibatkan Kawasan Industri Tanjung Langsung yang menghasilkan pelepasan efluen ke Sungai Pelawan, Sungai Kim Kim, Sungai Kopok, Sungai Daing dan Sungai Perapat.
6. Pemantauan menyasarkan premis-premis yang menghasilkan efluen perindustrian dan pelepasan udara melibatkan kawasan seluas 252 hektar.
7. Selain itu, penerbangan dron juga telah dibuat pada 29 dan 30 Oktober 2019. Kawasan yang terlibat adalah hulu dan hilir Sungai Daing sepanjang 1.5 kilometer.
8. Penerbangan dron akan dibuat secara berterusan dari semasa ke semasa.

Lokasi Photo-Ionised Detectors (PID)



SENARAI STESEN PENGAWASAN TOTAL VOLATILE ORGANIC COMPOUNDS (TVOC) DI PASIR GUDANG

BIL	SAMPLING POINT	NAMA PREMIS
1	HAP01	Sekolah Kebangsaan Tanjung Langsung Peti Surat 16 81757 MASAI JOHOR
2	HAP02	Sekolah Kebangsaan Kota Masai 2 Jalan Tembikai Utama Taman Kota Masai 81700 PASIR GUDANG JOHOR
3	HAP03	Sekolah Menengah Kebangsaan Pasir Putih Jalan Selasih 4 Taman Pasir Putih 81700 PASIR GUDANG JOHOR
4	HAP04	Sekolah Kebangsaan Tanjung Puteri Resort Jalan Lampam Taman Tanjung Puteri Resort 81700 PASIR GUDANG JOHOR
5	HAP05	Sekolah Kebangsaan Pasir Puteh Kg. Pasir Puteh 81700 PASIR GUDANG JOHOR
6	HAP06	Johor Port Berhad P.O Box 151 81707 PASIR GUDANG JOHOR
7	HAP07	Institut Latihan Perindustrian Pasir Gudang Jalan Gangsa Kawasan Perindustrian Pasir Gudang 81700 PASIR GUDANG JOHOR
8	HAP08	Sekolah Kebangsaan Pasir Gudang (2) Jalan 10/1, Perjiranan 10 81700 PASIR GUDANG JOHOR

9	HAP09	SMK Pasir Gudang 3 Jalan Jati, Taman Air Biru 81700 PASIR GUDANG JOHOR
10	HAP10	Klinik Kesihatan Masai JKR 5638, Jalan Pekeliling Masai 81750 JOHOR BAHRU, JOHOR
11	HAP11	SMK Pasir Gudang 2 Jln. Mawar Putih, Taman Mawar 81700 PASIR GUDANG JOHOR
12	HAP12	Stadium Majlis Perbandaran Pasir Gudang Kawasan Perindustrian Pasir Gudang, 81700 PASIR GUDANG JOHOR
13	HAP13	Masjid Jamek Pasir Gudang Jalan Mesjid Kawasan Perindustrian Pasir Gudang 81700 PASIR GUDANG JOHOR
14	HAP14	Sekolah Kebangsaan Taman Rinting 3 Jalan Ketapang, Taman Rinting, Masai 81750 JOHOR BAHRU JOHOR
15	HAP15	Dewan Muafakat Masai @ Dewanraya Masai Jalan Sekolah, 81750 MASAI JOHOR
16	HAP16	Sekolah Kebangsaan Taman Cendana Jln Persiaran Cendana 81700 PASIR GUDANG JOHOR
17	HAP17	SMK Bandar Seri Alam Jalan Tasek 64 Bandar Seri Alam 81750 MASAI JOHOR
18	HAP18	SMK Kota Masai Jln Bacang Utama Taman Kota Masai 81700 PASIR GUDANG JOHOR

19	HAP19	SMK Taman Scientex Jalan Persiaran Scientex 2 Taman Scientex 81700 PASIR GUDANG JOHOR
20	HAP20	Sekolah Kebangsaan KopokJalan Hijrah Utama, Kampung Kopok Baru81700 PASIR GUDANGJOHOR
21	HAP21	Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Ladang Sg Plentong Karung Berkunci 704 80730 JOHOR BAHRU JOHOR
22	HAP22	Sekolah Kebangsaan Seri Kota Puteri Jalan Bayan Bandar Baru Kota Puteri 81750 MASAI JOHOR
23	HAP23	SMK Dato' Penggawa Timur Km. 24 Jalan Besar Masai 81750 MASAI JOHOR
24	HAP24	Surau Nur Iman Taman Pasir Putih, 81700 PASIR GUDANG JOHOR
25	HAP25	SMK Tanjung Puteri Resort Jln Kelisa 1 Taman Tanjung Puteri Resort 81700 PASIR GUDANG JOHOR

Stesen TVOC



